

## PKP: ISU DAN CABARAN PENGUMPULAN DATA DI NEGERI

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia bermula pada penghujung tahun 2019 telah merubah pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Impak pandemik ini bukan sahaja kepada krisis kesihatan, tetapi juga terhadap ekonomi negara malah turut memberi kesan kepada gaya hidup sosial masyarakat terutamanya dari segi pendapatan, perbelanjaan, pendidikan dan lain-lain.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan usaha berterusan yang dibuat oleh kerajaan bagi mengekang rantaian penularan COVID-19. Bukan sahaja di Malaysia malah negara lain di seluruh dunia yang terkesan akibat pandemik ini turut melaksanakan PKP.

### Kesan Kepada Perkhidmatan Statistik



Tiada pengumpulan data secara bersemuka

COVID-19 dan PKP merupakan cabaran terbesar yang terpaksa dihadapi oleh *National Statistic Office* (NSO) termasuk DOSM, apabila kaedah pengumpulan data secara bersemuka di lapangan terpaksa dihentikan serta-merta.

Ketika dunia dibelenggu pandemik COVID-19, keperluan terhadap statistik yang bertepatan masa dan *reliable* semakin meningkat.

Di samping pelaksanaan survei rutin, survei berkaitan kesan COVID-19 terhadap sosioekonomi masyarakat dan negara juga perlu dijalankan bagi membantu kerajaan membentuk polisi untuk kepentingan rakyat.

Tidak dinafikan pelaksanaan PKP dilihat dapat memberi kesan positif terhadap usaha mengurangkan kes jangkitan COVID-19. Walau bagaimanapun, melalui penutupan sektor ekonomi, pendidikan, sosial dan sekatan rentas negeri & daerah secara langsung telah memberi kesan kepada ekonomi masyarakat dan negara.

Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui perutusan khas sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2020 memaklumkan bahawa negara mengalami kerugian sebanyak **RM2.4 bilion** setiap hari sepanjang pelaksanaan PKP.



### Kronologi Pelaksanaan PKP di Malaysia



Nota\*: PKP 2.0 kekal di Selangor, Kuala Lumpur, Johor & Pulau Pinang sehingga 4 Mac 2021



# KEPENTINGAN PROSES PENGUMPULAN DATA

Bagi survei yang dijalankan menggunakan kaedah temu ramah secara bersemuka, pelaksanaan PKP memberikan impak yang sangat besar terutamanya kepada kerja-kerja pungutan data di lapangan.

Dapatan daripada kajian oleh *UN Statistical Divisions dan World Bank (UNSD-WB Survey of National Statistical Offices)* menunjukkan **96%** NSO telah menghentikan sepenuhnya proses pungutan data di lapangan.

Arman Bidarbakhnia dalam artikel bertajuk *Survey Under Lockdown; a pandemic lesson* berpendapat penangguhan pelaksanaan survei *ad-hoc* dalam tempoh PKP tidak mempunyai kesan yang signifikan. Namun berbeza dengan survei rutin yang menjadi input penting kepada kerajaan dalam mengukur pembolehubah sosioekonomi seperti tenaga buruh, pendapatan & perbelanjaan, pungutan harga dan lain-lain. Menurut beliau, proses pengumpulan data bagi survei ini perlu diteruskan terutamanya semasa pelaksanaan PKP disebabkan tiga faktor berikut:

1

## *Agility in policy response*

*'Rapid policy response without timely statistics during a pandemic situation is akin to solving a Rubik's cube blindfolded.'*

2

## *Evidence for post-pandemic policies*


*'Government and businesses need to analyze lockdown impact on population and economy in order to better design long-term resilient policies.'*

3

## *Continuity of time series*

*'Missing data for the pandemic period (or any important shock) will distort time series analysis in the future.'*

Berpegang kepada kepentingan proses pengumpulan data bagi survei-survei rutin ini, kebanyakan NSO termasuk DOSM telah mengambil langkah segera bagi menghadapi cabaran COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Hasil daripada *UNSD-WB survey of NSO* pada Mei 2020, hampir **60%** NSO bersetuju untuk mengubah/menggunakan kaedah pungutan alternatif semasa PKP bagi memastikan kesinambungan proses pengumpulan data .



UNSD-WB survey of NSO, Round 1, 5 – 17 May 2020 (response rate: 122/218)



## ISU PENGUMPULAN DATA SEMASA PKP

Walaupun pelbagai modenisasi telah dibuat dalam kaedah pengumpulan data seperti *Computer Assisted Personal Interviews* (CAPI), *Computer Assisted Telephone Interviews* (CATI), esurvey dan lain-lain, proses pengumpulan data secara bersemuka yang dilaksanakan sejak sekian lama masih relevan dan terus digunakan.

Dengan sentuhan teknologi dalam pelaksanaannya seperti penggunaan gajet moden (CAPI), kaedah bersemuka ini menjadi antara pendekatan yang efektif untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada responden.

Seperti kebanyakan NSO lain, DOSM turut menghentikan kerja-kerja pengumpulan data serta merta apabila PKP dilaksanakan. Proses kutipan data bagi survei rutin (bulanan, suku tahunan & tahunan) dan *ad hoc* dibuat melalui kaedah temu bual telefon, esurvey dan secara atas talian (online). Namun terdapat beberapa kekangan yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan tersebut.



### Kadar respon yang rendah

1

Semasa pelaksanaan PKP 1.0, kadar respon yang diterima sangat rendah akibat penutupan premis perniagaan yang merupakan responden bagi survei ekonomi dan *outlet* yang terlibat dengan pungutan harga pengguna.

Sebagai contoh bagi Survei Pembuatan Bulanan, kadar respons yang diterima hanya 53.4 peratus pada bulan pertama PKP 1.0 dilaksanakan. Malah, maklum balas melalui esurvey juga berkurangan akibat penutupan premis.

Bagi Survei Tenaga Buruh pula, kadar respons yang rendah adalah disebabkan *database* sedia ada tidak mempunyai maklumat mencukupi yang boleh digunakan untuk menghubungi responden. Selain sikap responden itu sendiri yang enggan memberikan kerjasama.

### Responden Sukar Memberi Kerjasama

2

Kebimbangan menjadi mangsa penipuan dan faktor keselamatan antara punca responden enggan memberikan maklumat yang diminta melalui telefon.

Masalah kewangan dan keluarga serta tekanan hidup akibat PKP menyebabkan responden sukar untuk memberikan kerjasama apabila dihubungi.

Maklumat yang diterima daripada responden juga tidak dapat disahkan (*validate*) berikutan komunikasi yang terhad. Secara tidak langsung ia boleh menjelaskan kualiti data yang diterima





### Infrastruktur dan Peralatan ICT yang tidak mencukupi

3

Bagi responden survei ekonomi mahupun isi rumah, ketiadaan peralatan dan infrastruktur ICT menyukarkan mereka untuk memberikan maklum balas bagi survei yang dijalankan secara atas talian (*esurvey*).

Walaupun dengan arahan bekerja dari rumah, capaian internet yang kurang memuaskan di sesetengah kawasan menyebabkan penghantaran maklum balas secara atas talian terganggu.

Kekangan ini bukan sahaja dihadapi oleh responden, malah anggota DOSM juga menghadapi masalah yang sama. Kebergantungan yang agak tinggi kepada sistem dalam pengurusan survei menyebabkan anggota yang tidak mempunyai kemudahan ICT di rumah menghadapi kesukaran untuk melaksanakan tugasannya.



### Tiada Proses *Listing*

4

Penyenaraian dan pengemaskinian Peta Blok Perhitungan (Peta BP) juga penting dalam memastikan setiap data yang dipungut sentiasa terkini dan *reliable*.

Kebiasaannya di DOSM, Peta BP perlu dikemaskini setiap dua tahun sekali terutamanya kawasan-kawasan yang terpilih untuk pelaksanaan survei. Namun disebabkan pandemik yang melanda negara ini, ia turut memberi impak kepada proses penyenaraian (*listing*). Pengemaskinian ini boleh juga dibuat melalui kaedah lain seperti *Google Maps* dan *Google Street View*. Walau bagaimanapun, pengemaskinian jumlah ahli isi rumah dan status tempat kediaman atau unit bangunan sama ada kosong atau didiami hanya dapat dibuat melalui kerja-kerja *listing* di lapangan. Secara tidak langsung kualiti rangka sampel dapat ditingkatkan.


## RUJUKAN

1. Arman, B (2020). Surveys under lockdown; a pandemic lesson. ESCAP Stats Brief April 2020. Issue No. 23
2. Impact of COVID 19 on survey data collection and assistance from the international community. 18 September 2020. United Nation Statistical Division
3. Stoevska, V. (2020, Dec. 9). COVID 19 is driving up food prices all over the world. <https://ilo.org/covid-19-is-driving-up-food-prices-all-over-the-world/>
4. Bratcher, Z. (2020, Oct. 5). Implementing alternatif modes of data collection to overcome COVID 19 challenges.[https://unece.org/fileadmin/DAM/stats/documents/ece/ces/ge.58/2020/mtg4/DC2020\\_D1-6\\_USBLS\\_-\\_Bratcher\\_P.pdf](https://unece.org/fileadmin/DAM/stats/documents/ece/ces/ge.58/2020/mtg4/DC2020_D1-6_USBLS_-_Bratcher_P.pdf)
5. Labbe, J. (2020, Oct 5). Data Collection & the impact, challenges and opportunities of the COVID 19 pandemic. UNECE Data Collection Virtual Workshop




## KESAN PKP TERHADAP PASARAN BURUH DI KELANTAN

Graf 1: Penduduk Bekerja Kelantan, Suku Tahunan, 2017 – 2021



Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB), Suku Tahunan, Kelantan, 2017 – 2021



Krisis kesihatan yang melanda dunia serta kesannya terhadap ekonomi negara telah menyebabkan ketidaktentuan dalam kedudukan tenaga Buruh.

Secara umumnya, jumlah penduduk bekerja di Kelantan menunjukkan trend positif bermula suku ketiga 2019, sebelum berlakunya COVID 19.

Jumlah penduduk bekerja di Kelantan berkurang daripada **702.0 (ST1)** kepada **692.9 ribu (-1.4)** pada suku kedua 2020 (PKP 1.0).

Jumlah tersebut terus berkurang kepada **667.8 ribu** pada suku pertama 2021 (PKP 2.0).

Selari dengan kejatuhan dalam jumlah penduduk bekerja, KPTB Kelantan juga merekodkan penurunan sejak pelaksanaan PKP 1.0. sehingga ke PKP 2.0.

**Q1 2020 – 59.7%**  
**Q2 2020 – 58.7% (PKP 1.0)**  
**Q1 2021 – 55.4% (PKP 2.0)**

### PENDUDUK BEKERJA


Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji.

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia, Suku Tahun Pertama 2021



## KESAN PKP TERHADAP HARGA BARANGAN TERPILIH\*


Sekatan pergerakan semasa PKP bukan sahaja menjelaskan pendapatan dan meningkatkan pengangguran malah turut mempengaruhi penawaran dan permintaan barang terutamanya dari kumpulan makanan dan minuman. Kesan daripada COVID-19 dan pelaksanaan PKP menyebabkan permintaan yang tinggi dari pengguna yang menyimpan bekalan makanan dan perubatan. ‘*Panic buying*’ juga menyebabkan bekalan makanan terjejas.



### Perbandingan Harga Purata Item Terpilih Pada Bulan Mac 2019 dan Mac 2020 (PKP1.0) di Kelantan

Berdasarkan perbandingan yang dibuat, beberapa item menunjukkan peningkatan harga purata. Peratus peningkatan paling ketara adalah Bawang India (159%), cili padi (17%) dan minyak masak 5kg (11%). Namun beras dan telur merekodkan penurunan peratusan masing-masing sebanyak -1.4% dan -21.0%.


#### Harga Purata Minya Masak 5kg Kelantan, Jan – Mei 2021 (PKP 2.0)



Ayam proses dan minyak masak merupakan antara item yang menunjukkan peningkatan harga semasa pelaksanaan PKP 2.0 (Jan – Feb 2021).

Harga minyak masak dan ayam proses masing-masing meningkat daripada **RM23.78** dan **RM7.33** pada bulan Jan 2021 kepada RM28.01 dan RM7.77 pada bulan **Mei 2021**.

#### Harga Purata Ayam Proses Kelantan, Jan – Mei 2021 (PKP2.0)



Tidak dinafikan terdapat juga faktor lain yang menyebabkan kenaikan harga barang seperti keadaan cuaca dan kenaikan harga bahan mentah. Sebagai contoh, pada tahun 2020, banjir besar yang melanda India merupakan punca utama kenaikan harga Bawang India. Manakala, peningkatan harga minyak masak (5kg) pula adalah disebabkan kenaikan harga minyak kelapa sawit dunia.

Walau bagaimanapun, peningkatan permintaan yang tinggi oleh pengguna semasa tempoh PKP itu sendiri turut memburukkan lagi keadaan.

**Nota\*:** Harga purata daripada pungutan harga pengguna bulanan yang dibuat oleh DOSM Kelantan

**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.